



## PENGURANGAN LANGKAH-LANGKAH PENGAWALAN WABAK COVID-19 NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

### PERKUMPULAN RAMAI

### TAHAP KESEDIAAN OPERASI 3 (Bermula 17 Ogos 2020)

#### Pengertian “Perkumpulan Ramai”

Perkumpulan Ramai atau *Mass Gathering* merujuk kepada acara yang dianjurkan secara terancang mahupun spontan, serta mempunyai jumlah individu yang cukup untuk mengendalikan perancangan dan memberikan tindak balas terhadap sumber tenaga komuniti, kawasan, atau negara yang menganjurkan acara berkenaan (*WHO, 2008*).

#### Syarat-syarat Khusus:

1. Perkumpulan ramai yang dibenarkan adalah terhad kepada keramaian **tidak melebihi 350\* orang** sahaja untuk setiap majlis atau acara yang mana jumlah ini adalah jumlah keseluruhan orang yang hadir di sesebuah acara iaitu termasuk semua jemputan, ahli keluarga penganjur, ahli jawatankuasa, petugas catering dan sesiapa sahaja yang hadir di acara tersebut. Penganjur majlis atau acara adalah tidak dibenarkan untuk menjemput para hadirin hadir secara bergilir.

---

\* Dikemaskini pada 7 September 2020. Sebelum ini, perkumpulan ramai dihadkan kepada 200 orang sahaja.

2. Majlis-majlis yang dibenarkan:

2.1. Acara atau majlis peribadi (*private functions*), acara keugamaan, acara perkahwinan, acara kekeluargaan dan acara amal/sukarelawan yang diadakan di kediaman persendirian (samada acara di dalam rumah atau menggunakan khemah di luar rumah) atau premis-premis khusus seperti dewan bankuet, restoran dan tempat-tempat acara-acara lain.

2.2. Acara keramaian di tempat kerja, termasuk mesyuarat, kursus, latihan, persidangan, temuduga pekerjaan termasuk peperiksaan bertulis dan acara sosial.

2.3. Penganjur bagi mana-mana acara rekreasi hendaklah memastikan garis panduan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dipatuhi.

2.4. Acara-acara yang dibenarkan dalam para 2.1 dan 2.2. hendaklah mematuhi had keramaian orang yang hadir, sebagaimana dalam para 1. Walau bagaimanapun, kehadiran tetamu secara bergilir-gilir adalah tidak dibenarkan.

3. Acara atau majlis yang dibenarkan hendaklah diringkaskan supaya tidak memakan masa yang lama. Seboleh-bolehnya hadkan masa acara kepada **2 jam sahaja pada satu-satu masa.**

4. Bagi acara-acara yang diadakan di kediaman peribadi, tuan rumah adalah dikehendaki menyediakan senaraikan semua jemputan yang hadir untuk memudahkan pengesanan kontak (*contact tracing*) jika diperlukan, seperti dengan menyediakan buku daftar atau *guest book*.

5. Bagi acara-acara yang diadakan di premis-premis khusus, pihak pengurusan premis adalah dikehendaki untuk mendapatkan kod QR BruHealth yang khusus bagi premis masing-masing dan seterusnya mencetak kod QR tersebut dan dilekatkan di kawasan pintu masuk premis untuk diimbas oleh pengunjung sebelum masuk dan seurus sebelum meninggalkan premis.

Syarat-syarat Umum:

1. Penganjur majlis adalah dikehendaki untuk memastikan perkara-perkara berikut dipatuhi:
  - 1.1 Galakkan para hadirin untuk mengamalkan penjarakan sosial, seperti letakkan kerusi pada jarak sekurang-kurangnya 1 meter sepanjang acara dijalankan.
  - 1.2 Pastikan persekitaran sentiasa terjaga seperti dalam penyediaan kemudahan bilik air yang bersih dan mencukupi, tempat membasuh tangan beserta sabun, tuala pakai buang atau tisu, dan tong-tong sampah yang bertutup. Jika boleh, sediakan pensanitasi tangan atau *hand sanitiser*.
  - 1.3 Pastikan tempat yang digunakan mempunyai pengalihudaraan atau ventilasi yang baik. Adalah juga disarankan untuk menggunakan kipas dan membuka tingkap jika perlu.
  - 1.4 Premis hendaklah dibersihkan dan disanitasi sebelum dan selepas acara diadakan, terutamanya permukaan yang sering disentuh seperti meja, kerusi, kaunter, *handrails* dan tombol pintu dan sebagainya.

- 1.5 Bersihkan permukaan dengan mengelapnya dengan air sabun dan dibilas dengan air bersih. Apabila telah kering, disinfeksi permukaan dengan cara mengelapnya dengan kain yang direndam dengan bahan peluntur (seperti Clorox®) yang telah dicairkan ke dalam 1 bahagian peluntur dengan 49 bahagian air, kemudian biarkan kering atau bilas dengan air yang bersih. Disinfeksi juga boleh dilakukan dengan mengelap permukaan dengan menggunakan alkohol (70%) *impregnated wipe* dan seterusnya dibiarkan sehingga kering.
2. Para jemputan, termasuk kakitangan atau ahli jawatankuasa adalah dinasihatkan untuk:
  - 2.1 Menjaga kebersihan diri pada setiap masa seperti mencuci tangan dengan kerap atau menggunakan *hand sanitizer*.
  - 2.2 Kurangkan sentuhan atau kontak fizikal, contohnya elakkan bersalaman atau berpeluk-pelukan.
  - 2.3 Amalkan tanggungjawab sosial termasuk etika batuk dan bersin yang betul pada setiap masa
  - 2.4 Penggunaan sungkup muka (*face mask*) adalah digalakkan, termasuk sungkup muka yang diperbuat dari kain dengan syarat, ia hendaklah dicuci setiap kali selepas dipakai.
  - 2.5 Sesiapa yang mempunyai tanda-tanda jangkitan atau mereka yang berisiko tinggi mendapat jangkitan yang teruk adalah dinasihatkan untuk tidak menghadiri acara-acara yang diadakan sehingga telah sembuh.

3. Penganjur acara boleh menyediakan hidangan jamuan secara *servings* atau menggunakan set *dome*.
  - 3.1 Walau bagaimanapun, hidangan secara *buffet* boleh dipertimbangkan jika majlis diadakan di kediaman peribadi atau majlis diadakan secara tertutup di premis-premis yang khusus.
  - 3.2 Jika mengadakan hidangan *buffet*, penganjur acara dikehendaki untuk menyediakan staf atau pelayan khusus bagi menghidangkan makanan (*to serve food*/"mengaut makanan") untuk para tetamu. Sebaik-baiknya, sediakan beberapa meja *buffet* untuk mengelakkan kesesakan (*overcrowding*) dan pastikan pelayan memakai sungkup muka.
4. Sesiapa yang didapati melanggar atau ingkar arahan yang telah dikeluarkan ini maka ianya adalah menjadi satu kesalahan di bawah Akta Penyakit Berjangkit (Penggalt 204) yang mana jika didapati bersalah boleh membawa denda sehingga \$10,000 atau penjara sehingga tempoh 6 bulan atau kedua-duanya sekali.



## **PENGURANGAN LANGKAH-LANGKAH PENGAWALAN WABAK COVID-19 NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

### **PERKUMPULAN RAMAI**

### **TAHAP KESEDIAAN OPERASI 2 (27 Julai 2020 hingga 16 Ogos 2020)**

#### **Pengertian “Perkumpulan Ramai”**

Perkumpulan Ramai atau *Mass Gathering* merujuk kepada acara yang dianjurkan secara terancang mahupun spontan, serta mempunyai jumlah individu yang cukup untuk mengendalikan perancangan dan memberikan tindak balas terhadap sumber tenaga komuniti, kawasan, atau negara yang menganjurkan acara berkenaan (*WHO, 2008*).

#### **Syarat-syarat Khusus:**

1. Perkumpulan ramai yang dibenarkan adalah terhad kepada keramaian **tidak melebihi 100 orang** sahaja untuk setiap majlis atau acara. Penganjur majlis atau acara adalah tidak dibenarkan untuk menjemput para hadirin hadir secara bergilir.
2. Majlis-majlis yang dibenarkan:
  - 2.1. Acara atau majlis peribadi (*private functions*), acara keugamaan, acara perkahwinan, acara kekeluargaan dan acara

amal/sukarelawan yang diadakan di kediaman persendirian (samada acara di dalam rumah atau menggunakan khemah di luar rumah) atau premis-premis khusus seperti dewan bankuet, restoran dan tempat-tempat acara-acara lain.

- 2.2. Acara keramaian di tempat kerja, termasuk mesyuarat, kursus, latihan, persidangan, temuduga pekerjaan termasuk peperiksaan bertulis dan acara sosial.
- 2.3. Penganjur bagi mana-mana acara rekreasi hendaklah memastikan garis panduan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dipatuhi.
- 2.4. Acara-acara yang dibenarkan dalam para 2.1 dan 2.2. hendaklah mematuhi had keramaian orang yang hadir, sebagaimana dalam para 1. Walau bagaimanapun, kehadiran tetamu secara bergilir-gilir adalah tidak dibenarkan.
3. Acara atau majlis yang dibenarkan hendaklah diringkaskan supaya tidak memakan masa yang lama. Seboleh-bolehnya hadkan masa acara kepada **2 jam sahaja pada satu-satu masa.**
4. Bagi acara-acara yang diadakan di kediaman peribadi, tuan rumah adalah dikehendaki menyediakan senaraikan semua jemputan yang hadir untuk memudahkan pengesanan kontek (*contact tracing*) jika diperlukan, seperti dengan menyediakan buku daftar atau *guest book*.
5. Bagi acara-acara yang diadakan di premis-premis khusus, pihak pengurusan premis adalah dikehendaki untuk mendapatkan kod QR BruHealth yang khusus bagi premis masing-masing dan seterusnya mencetak kod QR tersebut dan dilekatkan di kawasan pintu masuk

premis untuk diimbis oleh pengunjung sebelum masuk dan seurus sebelum meninggalkan premis.

Syarat-syarat Umum:

1. Penganjur majlis adalah dikehendaki untuk memastikan perkara-perkara berikut dipatuhi:

- 1.1 Pastikan para hadirin mengamalkan penjarakan sosial, seperti letakkan kerusi pada jarak sekurang-kurangnya 1 meter sepanjang acara dijalankan.
- 1.2 Pastikan persekitaran sentiasa terjaga seperti dalam penyediaan kemudahan bilik air yang bersih dan mencukupi, tempat membasuh tangan beserta sabun, tuala pakai buang atau tisu, dan tong-tong sampah yang bertutup. Jika boleh, sediakan pensanitasi tangan atau *hand sanitiser*.
- 1.3 Pastikan tempat yang digunakan mempunyai pengalihudaraan atau ventilasi yang baik. Adalah juga disarankan untuk menggunakan kipas dan membuka tingkap jika perlu.
- 1.4 Premis hendaklah dibersihkan dan disanitasi sebelum dan selepas acara diadakan, terutamanya permukaan yang sering disentuh seperti meja, kerusi, kaunter, *handrails* dan tombol pintu dan sebagainya.
- 1.5 Bersihkan permukaan dengan mengelapnya dengan air sabun dan dibilas dengan air bersih. Apabila telah kering, disinfeksi permukaan dengan cara mengelapnya dengan kain yang direndam dengan bahan peluntur (seperti Clorox®) yang telah dicairkan ke dalam 1



bahagian peluntur dengan 49 bahagian air, kemudian biarkan kering atau bilas dengan air yang bersih. Disinfeksi juga boleh dilakukan dengan mengelap permukaan dengan menggunakan alkohol (70%) *impregnated wipe* dan seterusnya dibiarkan sehingga kering.

2. Para jemputan, termasuk kakitangan atau ahli jawatankuasa adalah dinasihatkan untuk:
  - 2.1 Menjaga kebersihan diri pada setiap masa seperti mencuci tangan dengan kerap atau menggunakan *hand sanitizer*.
  - 2.2 Kurangkan sentuhan atau kontak fizikal, contohnya elakkan bersalaman atau berpeluk-pelukan.
  - 2.3 Amalkan tanggungjawab sosial termasuk etika batuk dan bersin yang betul pada setiap masa
  - 2.4 Penggunaan sungkup muka (*face mask*) adalah digalakkan, termasuk sungkup muka yang diperbuat dari kain dengan syarat, ia hendaklah dicuci setiap kali selepas dipakai.
  - 2.5 Sesiapa yang mempunyai tanda-tanda jangkitan atau mereka yang berisiko tinggi mendapat jangkitan yang teruk adalah dinasihatkan untuk tidak menghadiri acara-acara yang diadakan sehingga telah sembuh.
3. Penganjur acara boleh menyediakan hidangan jamuan secara *serving* atau menggunakan set *dome*. Walau bagaimanapun, hidangan secara *buffet* boleh dipertimbangkan jika majlis diadakan di kediaman peribadi atau majlis diadakan secara tertutup di premis-premis yang khusus. Jika

majlis diadakan di restoran, hidangan *buffet* adalah tidak dibenarkan untuk disediakan bagi pelanggan restoran yang lain.

4. Sesiapa yang didapati melanggar atau ingkar arahan yang telah dikeluarkan ini maka ianya adalah menjadi satu kesalahan di bawah Akta Penyakit Berjangkit (Penggai 204) yang mana jika didapati bersalah boleh membawa denda sehingga \$10,000 atau penjara sehingga tempoh 6 bulan atau kedua-duanya sekali.



# PENGURANGAN LANGKAH-LANGKAH PENGAWALAN WABAK COVID-19 NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

## PERKUMPULAN RAMAI

### TAHAP KESEDIAAN OPERASI 1 (6 Julai 2020 hingga 26 Julai 2020)

#### Pengertian “Perkumpulan Ramai”

Perkumpulan Ramai atau *Mass Gathering* merujuk kepada acara yang dianjurkan secara terancang mahupun spontan, serta mempunyai jumlah individu yang cukup untuk mengendalikan perancangan dan memberikan tindak balas terhadap sumber tenaga komuniti, kawasan, atau negara yang menganjurkan acara berkenaan (*WHO, 2008*).

#### Syarat-syarat Khusus:

1. Perkumpulan ramai yang dibenarkan adalah terhad kepada keramaian **tidak melebihi 50 orang** sahaja untuk setiap majlis atau acara. Penganjur majlis atau acara adalah tidak dibenarkan untuk menjemput para hadirin hadir secara bergilir.
2. Majlis-majlis yang dibenarkan:
  - 2.1. Acara atau majlis peribadi (*private functions*), acara keugamaan, acara perkahwinan, acara kekeluargaan dan acara

amal/sukarelawan yang diadakan di kediaman persendirian (samada acara di dalam rumah atau menggunakan khemah di luar rumah) atau premis-premis khusus seperti dewan bankuet, restoran dan tempat-tempat acara-acara lain.

- 2.2. Acara keramaian di tempat kerja, termasuk mesyuarat, kursus, latihan, persidangan, temuduga pekerjaan termasuk peperiksaan bertulis dan acara sosial.
- 2.3. Penganjur bagi mana-mana acara rekreasi hendaklah memastikan garis panduan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dipatuhi.
- 2.4. Acara-acara yang dibenarkan dalam para 2.1 dan 2.2. hendaklah mematuhi had keramaian orang yang hadir, sebagaimana dalam para 1. Walau bagaimanapun, kehadiran tetamu secara bergilir-gilir adalah tidak dibenarkan.
3. Acara atau majlis yang dibenarkan hendaklah diringkaskan supaya tidak memakan masa yang lama. Seboleh-bolehnya hadkan masa acara kepada **2 jam sahaja pada satu-satu masa.**
4. Bagi acara-acara yang diadakan di kediaman peribadi, tuan rumah adalah dikehendaki menyediakan senaraikan semua jemputan yang hadir untuk memudahkan pengesanan kontek (*contact tracing*) jika diperlukan, seperti dengan menyediakan buku daftar atau *guest book*.
5. Bagi acara-acara yang diadakan di premis-premis khusus, pihak pengurusan premis adalah dikehendaki untuk mendapatkan kod QR BruHealth yang khusus bagi premis masing-masing dan seterusnya mencetak kod QR tersebut dan dilekatkan di kawasan pintu masuk

premis untuk diimbas oleh pengunjung sebelum masuk dan sejurus sebelum meninggalkan premis.

Syarat-syarat Umum:

1. Penganjur majlis adalah dikehendaki untuk memastikan perkara-perkara berikut dipatuhi:
  - 1.1 Pastikan para hadirin mengamalkan penjarakan sosial, seperti letakkan kerusi pada jarak sekurang-kurangnya 1 meter sepanjang acara dijalankan.
  - 1.2 Pastikan persekitaran sentiasa terjaga seperti dalam penyediaan kemudahan bilik air yang bersih dan mencukupi, tempat membasuh tangan beserta sabun, tuala pakai buang atau tisu, dan tong-tong sampah yang bertutup. Jika boleh, sediakan pensanitasi tangan atau *hand sanitiser*.
  - 1.3 Pastikan tempat yang digunakan mempunyai pengalihudaraan atau ventilasi yang baik. Adalah juga disarankan untuk menggunakan kipas dan membuka tingkap jika perlu.
  - 1.4 Premis hendaklah dibersihkan dan disanitasi sebelum dan selepas acara diadakan, terutamanya permukaan yang sering disentuh seperti meja, kerusi, kaunter, *handrails* dan tombol pintu dan sebagainya.
  - 1.5 Bersihkan permukaan dengan mengelapnya dengan air sabun dan dibilas dengan air bersih. Apabila telah kering, disinfeksi permukaan dengan cara mengelapnya dengan kain yang direndam dengan bahan peluntur (seperti Clorox®) yang telah dicairkan ke dalam 1

bahagian peluntur dengan 49 bahagian air, kemudian biarkan kering atau bilas dengan air yang bersih. Disinfeksi juga boleh dilakukan dengan mengelap permukaan dengan menggunakan alkohol (70%) *impregnated wipe* dan seterusnya dibiarkan sehingga kering.

2. Para jemputan, termasuk kakitangan atau ahli jawatankuasa adalah dinasihatkan untuk:
  - 2.1 Menjaga kebersihan diri pada setiap masa seperti mencuci tangan dengan kerap atau menggunakan *hand sanitizer*.
  - 2.2 Kurangkan sentuhan atau kontak fizikal, contohnya elakkan bersalaman atau berpeluk-pelukan.
  - 2.3 Amalkan tanggungjawab sosial termasuk etika batuk dan bersin yang betul pada setiap masa
  - 2.4 Penggunaan sungkup muka (*face mask*) adalah digalakkan, termasuk sungkup muka yang diperbuat dari kain dengan syarat, ia hendaklah dicuci setiap kali selepas dipakai.
  - 2.5 Sesiapa yang mempunyai tanda-tanda jangkitan atau mereka yang berisiko tinggi mendapat jangkitan yang teruk adalah dinasihatkan untuk tidak menghadiri acara-acara yang diadakan sehingga telah sembuh.
3. Penganjur acara boleh menyediakan hidangan jamuan secara *serving* atau menggunakan set *dome*. Walau bagaimanapun, hidangan secara *buffet* boleh dipertimbangkan jika majlis diadakan di kediaman peribadi atau majlis diadakan secara tertutup di premis-premis yang khusus. Jika

majlis diadakan di restoran, hidangan *buffet* adalah tidak dibenarkan untuk disediakan bagi pelanggan restoran yang lain.

4. Sesiapa yang didapati melanggar atau ingkar arahan yang telah dikeluarkan ini maka ianya adalah menjadi satu kesalahan di bawah Akta Penyakit Berjangkit (Penggai 204) yang mana jika didapati bersalah boleh membawa denda sehingga \$10,000 atau penjara sehingga tempoh 6 bulan atau kedua-duanya sekali.